

Pada bulan Oktober setiap tahun, Dewan Rakyat akan bersidang bagi membahas dan meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan yang bakal menentukan jumlah dan perancangan belanjawan bakal dilaksanakan pada tahun seterusnya. Lazimnya, RUU Perbekalan atau lebih mudah dipanggil belanjawan tahunan itu dibentangkan pada hari Jumaat minggu ketiga bulan Oktober. Pada tahun ini, Belanjawan 2024 akan dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 13 Oktober 2023.

Belanjawan 2024

Belanjawan 2024 merupakan belajawan kedua di bawah Kerajaan Perpaduan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Belanjawan 2024 penting kerana sebagai penentu dasar kewangan dan fiskal negara bagi dua dekad akan datang. Selain itu, Belanjawan 2024 digubal untuk mengambil kira senario ekonomi yang tidak menentu dan penuh cabaran. Artikel ini akan mengenal pasti dan membincangkan isu dan fokus yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan dalam Belanjawan 2024. Artikel ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama menjelaskan secara ringkas maksud belanjawan dan diikuti dengan perbincangan tentang tema Belanjawan 2024 dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga mencadangkan isu yang harus diberikan perhatian dan menjadi fokus dalam Belanjawan 2024 dan diakhiri dengan rumusan artikel.

Belanjawan ialah anggaran kos, punca pendapatan dan hasil mengikut tempoh tertentu dari aspek ekonomi. Belanjawan juga menggambarkan keadaan kewangan negara pada masa hadapan, sama

Harapan untuk Belanjawan 2024



Madeline Berma



ada jangka pendek mahupun jangka panjang dan biasanya digunakan untuk mencapai agenda pembangunan kerajaan, mengukur prestasi serta membuat persediaan untuk menghadapi kesukaran yang dijangka atau tidak dijangka pada masa hadapan. Belanjawan merupakan alat ekonomi tetapi tidak boleh dipisahkan daripada politik kerana berkaitan dengan dasar kerajaan. Belanjawan juga adalah mekanisme kerajaan untuk mengurus dan mengawal jangkaan pengundi tentang keupayaan kerajaan mentadbir negara.

Tema Belanjawan 2024 ialah "Memperkasa Ekonomi MADANI" seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa Majlis Libat Urus Belanjawan 2024. Kerajaan Perpaduan beriltizam untuk mengangkat sebuah Malaysia MADANI yang mempunyai azam global, berteraskan nilai MADANI demi kesejahteraan rakyat. Enam nilai MADANI yang dijadikan sebagai paksi utama, iaitu keselamatan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Bahagian ini mengenal pasti isu utama ekonomi dan mencadangkan perkara yang perlu diberi fokus dalam Belanjawan 2024. Terdapat tiga perkara utama yang

perlu diberikan fokus, iaitu mengurangkan kos sara hidup, meningkatkan upah pekerja dan mengurangkan kemiskinan dan ketaksetaraan.

(a) Kos Sara Hidup

Belanjawan 2024 harus kekal fokus menangani kos sara hidup, mengurangkan jurang kekayaan dan pendapatan antara rakyat. Terdapat tiga aspek kos sara hidup yang perlu dijadikan tumpuan dalam Belanjawan 2024, iaitu harga barang, subsidi dan bantuan tunai.

(i) Harga barangan

Harga barangan terutamanya makanan meningkat secara keseluruhannya pada tahun 2023, walaupun terdapat barangan yang dikawal harga. Harga barang di sesebuah negara diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa inflasi pada suku pertama tahun 2023 meningkat 3.6% kepada mata 129.7 berbanding 125.2 suku pertama tahun 2022. Laporan tersebut juga menunjukkan bahawa sebanyak 201 item atau 87.4% daripada 230 item makanan merekodkan kenaikan harga pada Mac 2023 berbanding dengan tahun 2022.

(ii) Subsidi

Kerajaan sudah lama memberikan subsidi terhadap barangan dan perkhidmatan asas bagi mengurangkan beban rakyat. Terdapat empat barangan dan perkhidmatan asas yang diberikan subsidi secara pukal, iaitu beras, tepung gandum, minyak masak, gas memasak, diesel dan petrol RON 95.

Sehingga akhir tahun 2022, jumlah keseluruhan hutang kerajaan ialah RM1.08 trilion dan dilihat sebagai satu bebanan terhadap kewangan kerajaan. Selain itu, subsidi kerajaan dianggarkan mencecah RM81 bilion pada tahun 2023 dan perlu dikurangkan melalui pelaksanaan subsidi bersasar.

Dalam Belanjawan 2024, kerajaan perlu mengurangkan defisit fiskal daripada 5.0% Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada masa ini kepada 4.3% pada masa hadapan. Kerajaan perlu mengambil langkah mengurangkan subsidi secara berperingkat bagi membolehkan jumlah subsidi yang ditanggung berada pada tahap yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, subsidi perlu dikekalkan dalam sektor pendidikan dan kesihatan bagi memastikan golongan yang kurang berkemampuan masih mendapat akses terhadap pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

(iii) Bantuan Tunai

Program bantuan tunai seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) perlu diteruskan dan ditambah baik dalam Belanjawan 2024 kerana inisiatif tersebut merupakan satu daripada konsep Payung Rahmah yang bertujuan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam menghadapi cabaran kos sara hidup. STR dapat membantu isi

rumah yang terjejas dari segi pendapatan dan memberikan sokongan sementara bagi memenuhi keperluan asas. STR bukan sahaja dapat menjaga kesejahteraan rakyat, tetapi juga dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran yang mencabar. Dalam situasi inflasi yang tinggi, bentuk sumbangan tunai seperti STR dapat memastikan kuasa beli isi rumah kekal.

(b) Upah Pekerja

Belanjawan 2024 disarankan untuk memberi fokus khusus bagi membantu meningkatkan upah pekerja. Menurut laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), suku tahun pertama 2023 mendedahkan bahawa sebahagian besar rakyat dibayar gaji yang rendah. Sebanyak 82% daripada 6.46 juta pekerja formal bergaji kurang daripada RM5000 sebulan, manakala 35% dibayar sebanyak RM2000 ke bawah. Pada Mac 2023, median upah bulanan adalah sebanyak RM2600. Dari segi taburan mengikut negeri, upah penengah bulanan tertinggi diterima di Kuala Lumpur, iaitu sebanyak RM3927, diikuti Selangor sebanyak RM2964 dan Pulau Pinang sebanyak RM2627. Sebaliknya, Kelantan, Perlis dan Sabah merekodkan upah penengah bulanan yang paling rendah, iaitu RM1600, RM1627 dan RM1782.


Dari segi jantina, pekerja formal lelaki merangkumi 55.5% atau sebanyak 3.58 juta orang dengan upah penengah bulanan sebanyak RM2664 sebulan. Sementara itu 44.5% daripada keseluruhan pekerja formal diwakili oleh pekerja perempuan dengan upah penengah bulanan yang lebih rendah, iaitu RM2545.

(c) Kemiskinan dan Ketaksetaraan

Kerajaan dicadangkan untuk menambah peruntukan bagi program pembasmian kemiskinan dalam Belanjawan 2024. Peningkatan peruntukan penting bagi melaksanakan program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang seterusnya dapat mengeluarkan isi rumah daripada kitaran ganas kemiskinan. Peruntukan tinggi bukan sahaja menjadi strategi ampuh untuk pengurangan kadar kemiskinan dan mencapai kemakmuran ekonomi, tetapi juga berfungsi sebagai pemboleh ubah utama bagi pembangunan sosial dan kestabilan. Menurut YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Dewan Rakyat pada

11 September 2023, beliau melaporkan bahawa sehingga 15 Ogos 2023, terdapat sekitar 114 000 keluarga miskin tegar di Malaysia. Menurut Laporan Bank Dunia berjudul Membina Daya Tahan Malaysia: Iktibar Impak Ekonomi dan Tindak Balas Dasar Akibat COVID-19, kadar kemiskinan Malaysia telah menurun semenjak pandemik tetapi masih tinggi. Pertumbuhan ekonomi Malaysia telah melepasi paras sebelum pandemik, kadar kemiskinan mutlak berada pada tahap 6.2%, iaitu lebih tinggi daripada kadar kemiskinan sebelum pandemik, iaitu sebanyak 5.6%. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMKTM) sebagai usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang


tahun 2025. Peruntukan itu membabitkan RM750 juta daripada kerajaan dan RM250 juta daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Kerajaan juga disarankan menambah peruntukan bagi pembasmian kemiskinan untuk memastikan matlamat "menoktahkan kemiskinan tegar" menjelang tahun 2025 dapat direalisasikan. Di samping itu, usaha perlu diberikan untuk mengurangkan ketaksetaraan dari segi wilayah (Sarawak, Sabah, Semenanjung Malaysia), kelas ekonomi (B40, M40, T20), kawasan bandar dengan luar bandar dan interetnik. Menurut DOSM, penemuan pada tahun 2022 menunjukkan bahawa nilai Pekali Gini yang dikira berdasarkan pendapatan kasar mencatatkan penurunan 0.003 mata indeks kepada





0.404 (2022) daripada 0.407 (2019). Hal ini bermakna jurang ketidaksamarataan pendapatan semakin mengecil sebanyak 0.3% pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2019. Meskipun secara umumnya pendapatan isi rumah di Malaysia semakin meningkat, namun begitu jurang pendapatan antara etnik, wilayah, kelas pendapatan dan kawasan masih ketara. Jurang pendapatan antara etnik Cina dengan etnik Bumiputera direkodkan pada kadar 1:0.71 (2022) berbanding dengan 1:0.72 (2019). Sementara itu, jurang pendapatan antara etnik Cina dengan etnik India ialah 1:0.84 pada tahun 2022. Dari segi kelas pendapatan B40, M40 dan T20 data mendapati bahawa kumpulan T20 (pendapatan melebihi RM11 820) memiliki 46.3% daripada agihan keseluruhan pendapatan isi rumah. Kumpulan M40 memiliki 37.6%, manakala B40 pula hanya menguasai 16.1% daripada jumlah pendapatan.

Dari segi kelas pendapatan B40, M40 dan T20 data mendapati bahawa kumpulan T20 (pendapatan melebihi RM11 820) memiliki 46.3% daripada agihan keseluruhan pendapatan isi rumah.

Sebagai penutup, artikel ini mengharapkan isu yang sudah dikenal pasti perlu dijadikan keutamaan dalam Belanjawan 2024 selari dengan hasrat memanusiaikan ekonomi. Dua pendekatan yang perlu diberikan perhatian termasuklah penstrukturan dan penguatkuasaan ekonomi negara. Untuk merealisasikan ekonomi MADANI, Belanjawan 2024 perlu membangunkan ekonomi lestari dengan menarik pelaburan berkualiti; memperkukuh jaringan sosial dengan memudah cara jaringan antara bantuan sosial, insurans, program pasaran buruh; peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan kalis cuaca; meningkatkan daya tahan fiskal mengurus beban hutang negara; rasionalisasi subsidi; dan mempercepat digitalisasi. 

Dato' Dr. Madeline Berma ialah Felow Akademi Sains Malaysia. Beliau juga Felow Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA).